

05 MAY 2003

ABDULLAH-PUTRAJAYA/I

ABDULLAH: PEMBANGUNAN PUTRAJAYA TIDAK AKAN DIPERLAHANKAN

PUTRAJAYA, 5 Mei (Bernama) -- Pembangunan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan tidak akan diperlahankan disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa ini akibat peperangan di Iraq dan serangan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

"Tidak ada rancangan untuk memperlahankan atau menanggukkan kerja-kerja di Putrajaya kerana ia dibina bagi masa depan," katanya selepas melancarkan pusat membeli belah pertama Putrajaya, "Alamanda," di Presint 1 di sini.

Alamanda, yang dijadualkan dibuka dalam bulan Jun 2004, telah menarik Carrefour sebagai penyewa utamanya.

Abdullah berkata, pembangunan pusat pentadbiran itu "akan berjalan seperti yang dijadualkan" agar semua kemudahan dapat disiapkan seperti yang disasarkan.

Katanya, tidak berbaloi untuk menjadualkan semula pembangunan Putrajaya mengikut "turun naik ekonomi".

"Jika kita tunggu ekonomi menjadi bertambah baik, ia mungkin merosot lagi bila kita siapkan projek ini," katanya.

Berdasarkan laporan, kos pembangunan Putrajaya dianggarkan berjumlah RM3.2 bilion.

Abdullah juga berkata pembangunan prasarana Putrajaya adalah baik bagi industri pembinaan kerana ini akan mendorong permintaan bagi bahan binaan dan merangsang kegiatan dalam industri-industri berkaitan.

Putrajaya, yang dibangunkan di atas tapak seluas lebih 4,931 hektar, terletak hanya 25 kilometer ke selatan Kuala Lumpur dan 20 kilometer ke utara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur .

Dua fasa pertama projek Putrajaya yang dibina dalam tiga peringkat itu kini telahpun siap dan fasa terakhir yang sedang dilaksanakan sekarang akan siap menjelang tahun 2010.

Ia juga merupakan bandaraya pintar dalam taman pertama bagi Malaysia, iaitu sebuah bandar raya yang melambangkan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi masa depan negara.

Ia dinamakan sempena Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Keputusan untuk memindahkan Pusat Pentadbiran Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Putrajaya bertujuan mengurangkan tekanan ke atas prasarana di Kuala Lumpur dan membangunkan sebuah pusat pentadbiran baru yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan terbaru bagi meningkatkan keberkesanan dan produktiviti.

Abdullah juga menolak dakwaan bahawa Putrajaya adalah bagi golongan elit.

Katanya, pusat pentadbiran itu, yang akan berbangga dengan kemudahan kehidupan yang selesa dan serba moden, akan memenuhi keperluan orang yang bekerja di Putrajaya serta pesara-pesara atau peniaga-peniaga di kawasan itu. -- BERNAMA

MAD MR/MKO SHY KY OS